

20 MAR 2001

Mahathir-Rasuah

PEMBANGKANG TABUR JANJI ADALAH SATU BENTUK RASUAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata parti-parti pembangkang tidak boleh menyatakan mereka tidak terlibat dengan rasuah kerana janji-janji yang mereka taburkan untuk meraih sokongan juga merupakan satu bentuk rasuah.

Perdana Menteri berkata janji seperti pergi ke syurga dan kekal menjadi orang Islam jika menyokong parti tertentu adalah rasuah moral dan ini lebih berkesan kepada orang yang tidak kuat fahaman agamanya.

"Dia kata pangkah Pas boleh pergi syurga, itu rasuah. Kita tawar sesuatu untuk mendapat sesuatu...sesuatu yang tidak sah," katanya pada sidang berita selepas merasmikan seminar mengenai kewibawaan dalam perniagaan di Hotel Nikko di sini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai langkah kerajaan untuk mengatasi dakwah dan tuduhan parti pembangkang kononnya kerajaan sekarang mengamalkan rasuah.

Dr Mahathir berkata kerajaan telahpun menafikan tuduhan-tuduhan pembangkang kononnya ia mengamalkan rasuah dan telah menjelaskan keadaan sebenar kepada rakyat.

Mengenai keadaan rasuah di negara ini, Perdana Menteri berkata rasuah masih dianggap sebagai buruk dan sebab itu ia masih di peringkat "under the table" atau tersembunyi.

"Ada negara rasuah berlaku secara terbuka...di Malaysia tak jadi (begitu), tapi bukan tidak jadi langsung. Tapi BPR (Badan Pencegah Rasuah) akan tahu, mereka ada cara mengesan, boleh nampak dari jauh. Saya nak beri amaran kepada orang ini, jangan terlibat dengan rasuah sebab BPR ada cara mengesan mereka dari jauh," katanya.

Semasa berucap pada seminar itu yang dianjurkan oleh BPR, Dr Mahathir berkata sistem demokrasi yang memberi hak mengundi kepada rakyat juga boleh mendorong amalan rasuah dan menyebabkan mereka memilih calon yang bukan terbaik untuk pemerintahan.

"Sebaliknya, pengundi memilih calon yang memberi atau berjanji memberi sesuatu, sama ada di dunia atau di akhirat, kepadanya. Dengan ini pemerintahan akan terdiri daripada orang yang terlibat dengan rasuah dan bukan orang yang cekap memerintah negara atau negeri," katanya.

Katanya sikap dan pendirian masyarakat serta pegangan agama yang kuat lebih berkesan untuk membendung rasuah daripada undang-undang dan agensi penguatkuasaan.

Dr Mahathir berkata jika masyarakat memandang amalan rasuah sebagai jenayah yang amat buruk dan memalukan, maka rasuah akan berkurangan.

"Mereka yang terlibat sebagai penghulur atau penerima perlu berasa salah dan malu, tetapi masyarakat amnya serta bangsa perlu berasa malu kerana terdapat amalan rasuah dalam masyarakat," katanya.

Perdana Menteri berkata penguatkuasaan undang-undang yang ketat tidak selalunya memberi kesan yang diharapkan.

"Lebih baik kembali kepada ajaran agama bagi menangani rasuah. Iman akan menjuruskan seseorang kepada corak kehidupan yang mulia. Tidak ada agama yang merestui jenayah rasuah," katanya.

Dr Mahathir berkata amalan rasuah yang berleluasa tidak akan menguntungkan masyarakat dan negara, sebaliknya akan menyebabkan kos hidup meningkat.

Bangsa dan negara yang menerima rasuah sebagai amalan biasa semuanya ketinggalan jauh di belakang, tidak maju dan tidak berdaya maju sampai

bila-bila pun, katanya.

Ketika menjawab satu pertanyaan semasa sesi dialog dengan peserta seminar, Dr Mahathir berkata usaha menerapkan nilai murni di sekolah dan jabatan kerajaan tidak berkesan kerana mereka yang diamanahkan berbuat demikian menggunakan kesempatan itu untuk tujuan politik mereka.

"Jika betul-betul ajar agama Islam yang menyatakan rasuah itu jenayah buruk, kita tak hadapi masalah seperti sekarang. Tetapi guru-guru agama mengutamakan politik mereka, bukan ajar tolak rasuah tapi benci kerajaan dan orang tertentu," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan gagal menerapkan nilai-nilai ini kerana walaupun ia menggubal dasar itu, mereka yang diberi tugas melaksanakannya menggunakan kesempatan itu untuk menarik sokongan untuk parti tertentu.

-- BERNAMA

AR AZZ MAI